



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

## **SIARAN MEDIA**

### **JPPKK RAIH ANUGERAH KHAS PEMERKASAAN HARTA INTELEK SEMPENA AHIN 2026**

**KUALA LUMPUR, 2 Mei 2026** – Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terus memperkasa harta intelek khususnya dalam sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) apabila berjaya meraih Anugerah Khas Pemerksaan Harta Intelek bagi kategori Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri pada Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2026 yang berlangsung di ibu negara, baru-baru ini.

Anugerah berupa hadiah wang tunai RM5,000, piala AHIN dan sijil penghargaan itu disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali kepada Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Shamsuri Abdullah.

Pengiktirafan ini hasil komitmen berterusan dalam memperkasa ekosistem harta intelek secara strategik dan menyeluruh di peringkat politeknik dan kolej komuniti (POLYCC). Sepanjang tempoh 2023 hingga 2025, sebanyak 1,525 produk telah berjaya difailkan dan didaftarkan sebagai harta intelek, mencerminkan peningkatan signifikan dalam pembudayaan inovasi serta perlindungan IP dalam kalangan warga POLYCC.

Dalam pada itu, pelbagai inisiatif berimpak tinggi telah dilaksanakan bagi memperkukuh pembangunan dan pemerksaan harta intelek antaranya adalah, Bengkel Penderafan Paten (Bimbingan Langsung) bagi pembangunan bakat, penganjuran Karnival Harta Intelek sebagai platform meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan kepentingan perlindungan IP, pameran reruai IPR Market Place sempena Festival of Ideas Putrajaya

sebagai medium pemerksaan dan pengkomersialan harta intelek, penganjuran Forum Harta Intelek sebagai platform perkongsian ilmu kepada warga POLYCC, komuniti dan industri, serta kolaborasi strategik melalui pemeteraian MoU bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Sementara itu, Kolej Komuniti Pagoh, Johor turut berjaya merangkul Pingat Emas bagi Kategori InoReka (Reka Bentuk Perindustrian) pada majlis sama. Pengiktirafan tersebut diberikan menerusi produk “Pouch Sampul Warisan” yang merupakan salah satu daripada rangkaian produk komersial ‘Batu Seremban Game Kit’ oleh kolej komuniti berkenaan.

Produk tersebut telah berjaya dikomersialkan dan mendapat sambutan menggalakkan di pasaran, sekali gus membuktikan bahawa inovasi berasaskan warisan tempatan mampu diterjemahkan kepada produk bernilai tinggi serta memberi impak ekonomi. Penghasilan dan pengkomersialan produk itu turut disokong melalui pembiayaan dana ‘TVET Applied Commercialization Grant Scheme’ (T-ACGS) pada tahun 2025 yang telah membantu memperkukuh keupayaan produk untuk menembusi pasaran.

Kejayaan-kejayaan ini selari dengan aspirasi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035 yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memberi penekanan terhadap pembudayaan inovasi, pengkomersialan penyelidikan dan pengukuhan ekosistem bakat berteraskan teknologi.

Sebanyak 552 penyertaan direkodkan pada penganjuran tahun ini yang menggambarkan perkembangan positif ekosistem inovasi dan daya saing institusi tempatan dalam landskap harta intelek nasional.

**-TAMAT-**

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
2 Mei 2026**